

26/07/2004

Proton semakin kukuh berdikari

By Azli Ayob

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton) kini semakin kukuh untuk terus bersaing dengan lain-lain pengeluar kereta terkemuka dunia di pasaran antarabangsa.

Pada awal penubuhannya dulu, tidak dapat dinafikan sokongan kerajaan banyak membantu membangunkan Proton sehingga ia kini mampu melebarkan sayapnya di pasaran antarabangsa.

Dengan kedudukan yang semakin kukuh dan mampu berdikari, Proton kini sudah boleh mengurangkan pergantungannya kepada kerajaan.

Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tidak seperti beberapa syarikat berkaitan kerajaan lain yang sering meminta bantuan kerajaan, Proton mampu membina kilang barunya di Tanjung Malim dengan dana sendiri.

"Tanpa suntikan daripada kerajaan juga, Proton kini mempunyai dana RM2.6 bilion yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan mengembangkan keupayaan pengeluaran," katanya.

Malah, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika melancarkan model GEN.2 Februari lalu menegaskan bahawa kerajaan tidak akan memberi insentif baru atau layanan yang lebih baik kepada pengeluar kereta nasional itu kerana kedudukannya kini semakin mengukuh.

Beliau berkata, Proton yang sudah berusia 19 tahun akan berupaya untuk berdikari terutama dengan sokongan kilang pembuatan serba moden di Tanjung Malim, Perak.

"Kerajaan tidak memberikan apa-apa yang lebih kepada Proton daripada apa yang sudah ia dapat daripada kita sebelum ini, dan kita juga tidak mengurangkan apa yang sudah kita berikan.

"Proton sudah memasuki lembaran baru dengan pelancaran model kereta terbaru sepenuhnya, Proton GEN.2," katanya.

GEN.2 menjadi model pertama bagi rangkaian kereta baru Proton dan kereta nasional pertama dilengkapi enjin rekaan dan buatan Malaysia.

Sudah pastinya, kenyataan Perdana Menteri itu menunjukkan bahawa Proton kini sudah mampu berdikari dan tidak boleh lagi dilabelkan sebagai 'anak manja' seperti anggapan sesetengah pihak semata-mata kerana ia diberi layanan istimewa.

Apa yang pasti, Proton kini semakin kukuh dan dihormati, bukan lagi sebagai 'anak manja' seperti dipanggil sesetengah pihak sebelum ini.

Diakui Proton diberi perlindungan hampir dua dekad dengan tarif import yang tinggi terhadap kereta import, tetapi ini akhirnya akan terhapus mengikut Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) mulai 2005.

Kerajaan juga mengumumkan struktur cukai baru kenderaan yang membabitkan penurunan duti import dan kenaikan duti eksais, berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Faktor ini akan menyebabkan Proton mencari formula terbaik untuk terus kekal kukuh dalam industri permotoran yang penuh persaingan terutama dengan pelaksanaan Afta kelak.

Mengenai masa depan Proton, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, masa depan syarikat adalah ia adalah baik bergantung kepada pengurusan syarikat.

Dalam perkara itu, beliau berkata, pengurusan Proton harus kreatif, inovatif, berkeupayaan dan profesional dalam menguruskan syarikat.

"Syarikat ini mesti lebih kompetitif. Tidak ada pilihan lain jika Proton mahu kekal dalam perniagaan kereta," katanya.

Beliau berkata, apa yang lebih penting ialah pihak pengurusan harus mengendalikan program pembangunan dan penyelidikan dengan baik kerana di situ letaknya keupayaan Proton untuk mengeluarkan model baru.

"Jika ini dapat dilakukan, saya yakin Proton boleh mengeluarkan kereta yang sangat baik dan saya berpendapat, kereta baru, GEN.2, adalah lebih kompetitif," katanya.

Selain itu, Abdullah turut memuji Proton yang kini beralih daripada sebuah entiti yang bergantung kepada orang lain kepada satu entiti yang berdiri sendiri dalam mengharungi saat-saat suka dan duka.

"Oleh itu, saya gembira untuk menyaksikan peralihan Proton daripada apa yang dipanggil oleh sesetengah pihak sebagai 'anak manja' kepada suatu yang berkembang kukuh dan dihormati, semuanya berlaku dalam tempoh singkat dua dekad," katanya.

Beliau berkata meskipun dijangka berdepan tempoh sukar yang boleh menguji pengurusan dan kakitangan Proton, pengeluar kereta nasional itu akan berkembang kukuh dan terus menjadi kebanggaan Malaysia.

Dengan pelancaran model GEN.2 itu, Proton sekali lagi mengorak langkah dalam mempamerkan kemajuan syarikat dalam bahagian reka bentuk, kejuruteraan dan pembuatan.

"Ia adalah aliran budaya prestasi dan berfikir yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan di masa depan - sentiasa cuba mencapai prestasi yang lebih baik - sentiasa cuba mengatasi diri sendiri. Saya berani mengatakan bahawa edisi terbaru ini muncul pada masa yang sesuai kerana rangkaian kereta baru itu akan menyediakan landasan lebih baik kepada Proton untuk bersaing," katanya.

Memandangkan tempoh pembangunan yang lama bagi GEN.2, Perdana Menteri berharap model baru itu akan dapat menyaingi standard global.

Abdullah berkata, beliau berbangga dengan hakikat bahawa GEN.2 adalah produk keseluruhannya buatan tempatan yang dihasilkan daripada teknologi asli yang kerajaan berharap dapat dikembang dan di galakkan.

Usaha Proton menunjukkan bahawa syarikat Malaysia sudah lama mengiktiraf kepentingan sains dan teknologi meskipun perkembangan bahagian ini bukanlah suatu proses yang mudah kerana pada permulaannya, Malaysia terpaksa bergantung kepada pemindahan teknologi dan ia adalah satu proses yang perlahan.

Bagaimanapun hari ini, Proton sudah mencapai kejayaan dan GEN.2 mewakili pencapaian penting Malaysia dan syarikat ini dalam pembangunan teknologi asli.

GEN.2 dan kejayaan Proton boleh menjadi contoh kepada syarikat tempatan lain untuk mengembangkan teknologi masing-masing terutama dalam sains dan teknologi.

Malah Perdana Menteri berkata, Proton adalah contoh yang baik dan model ikutan untuk menerajui jalan seterusnya kepada syarikat tempatan meneroka bidang sains dan teknologi.

Setelah mencapai kejayaan membangunkan GEN.2, kini sampai masanya syarikat ini mengusahakan yang terbaik dalam strategi jualan dan pengedaran yang model terbaru itu. Kini kereta nasional ini dieksport ke 50 negara termasuk pasaran Britain dan Eropah yang dikatakan satu pasaran yang paling berdaya saing.

Kemampuan Proton juga dapat dilihat daripada kejayaannya memiliki model yang tersendiri seperti Waja, Satria, Wira, Iswara, Arena, Perdana, Juara dan yang terbaru GEN.2.

Dengan barisan model itu, Proton kini mempunyai nama yang semakin gah di persada antarabangsa.

Sebagai usaha mengukuhkan lagi nama Proton di persada antarabangsa, syarikat ini turut terbabit dalam sukan antarabangsa dari aspek kontrak penajaan.

Dalam arena sukan bola sepak elit dunia, syarikat pengeluar kereta nasional, Proton menaja sebuah pasukan bola sepak Inggeris, Norwich City dan berjaya meletakkan pasukan itu untuk bersaing dalam kejohanan bola sepak terulung dunia, Liga Perdana Inggeris (EPL).

Kini tercatat dalam sejarah sukan negara, nama sebuah lagi syarikat nasional berjenama Proton, terpampang megah dan dilihat di serata dunia oleh jutaan peminat bola sepak melalui platform EPL yang cukup terkenal seluruh dunia itu.

(END)